

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 OKTOBER 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kajian risiko keselamatan produk nanoteknologi sedang dijalankan – Abu Bakar	BERNAMA
2.	Kerajaan biaya penyelidikan hasilkan produk inovasi tempatan	Utusan Malaysia
3.	Gading Kencana sasar tempoh tiga tahun untuk disenarai	Utusan Malaysia
4.	MTDC to disburse RM45 Millions funds by year-End	BERNAMA
5.	MTDC to have equity option for its funds	The Sun
6.	MTDC agih dana RM45 juta dalam tempoh 3 bulan	Berita Harian
7.	Tap into the digital revolution, DiGi CEO tells SMEs	The Star
8.	Prepare for high tides, S'ngor folk told	The Star
9.	Nuklear jimat kos, mesra alam: pakar	Berita Harian
10.	Budget 2017 di bentang Perdana Menteri 21 Oktober	Utusan Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 12 OKTOBER 2016 (RABU)



Kajian Risiko Keselamatan Produk Nanoteknologi Sedang Dijalankan - Abu Bakar

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Kajian berkaitan risiko keselamatan bagi bahan dan produk nanoteknologi yang berada di pasaran sedang dijalankan bagi memastikan produk itu benar-benar selamat, seiring dengan pembangunan teknologi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata kajian itu dijalankan di bawah Pusat Nanoteknologi Kebangsaan yang sebelum ini dikenali sebagai Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan.

"Jika timbul keraguan terhadap produk itu, mungkin kita akan buat satu standard, atau kaedah untuk menangani masalah itu ataupun had mana yang boleh (untuk produk)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Nano Kebangsaan (NanoKEB) di Taman Teknologi Malaysia, di sini hari ini.

Beliau berkata kajian itu melibatkan kira-kira 125 produk yang dihasilkan bagi tempoh lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Katanya hasil kajian itu juga akan memberi panduan dan input yang berguna kepada perancangan hala tuju sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata sejak tahun 2008 hingga tahun lalu, sebanyak 364 projek penyelidikan berkaitan nanoteknologi telah dibiayai oleh kementeriannya dengan jumlah pembiayaan lebih daripada RM165 juta.

Terdahulu, Abu Bakar berkata penjenamaan semula Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan kepada Pusat Nanoteknologi Kebangsaan mulai 3 Okt lalu memperlihatkan usaha gigih kerajaan untuk melonjakkan pembangunan nanoteknologi yang berupaya memacu bidang penyelidikan dan pengkomersialan.

"Dengan pasaran global nano pada 2020 yang dianggarkan bernilai US\$3 trillion, kerajaan berharap syarikat-syarikat tempatan akan dapat menguasai satu peratus daripada pasaran global ini dengan anggaran sumbangan US\$3 bilion kepada pendapatan negara untuk menjana sumber baharu bagi pertumbuhan ekonomi," katanya.

Mengenai program itu yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam (10 Okt), beliau berkata ia bertujuan memperkenalkan produk dan fungsi nano yang telah diperkenalkan sejak 10 tahun lalu.

Sepanjang program itu berlangsung, pelbagai aktiviti dijalankan antaranya pameran industri dan pembangunan teknologi, pertandingan projek penyelidikan inovasi nanoteknologi (PIN) peringkat kebangsaan, bengkel pelan tindakan keselamatan nano dan bengkel pembangunan nano selulosa.

Pada majlis itu, Abu Bakar turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan PIN kepada Mohammad Nuzaihan Md Nor dari Universiti Malaysia Perlis bagi kategori Doktor Falsafah, Md Shariful Islam dari Universiti Malaya (kategori Sarjana) dan Nada Nadhirah Rosni dari Sekolah Menengah Kebangsaan Besout, Sungkai, Perak (kategori sekolah menengah).

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 37
TARIKH : 12 OKTOBER 2016 (RABU)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH dan Guntor Tobeng (dua dari kiri) melihat keluasan kawasan solar yang terdapat di Kompleks Hijau Solar selepas Program Inovasi di Ayer Keroh, Melaka, semalam. - UTUSAN/MOHD.AZIM ABD. RAHMAN

Kerajaan biaya penyelidikan hasilkan produk inovasi tempatan

MELAKA 11 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bersedia memberi bantuan kepada mana-mana pihak yang ingin melaksanakan penyelidikan dalam mencipta produk inovasi demi keperluan rakyat di negara ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, langkah itu diambil memandangkan perkembangan penyelidikan negara berada pada tahap yang membanggakan, namun apa yang membimbangkan adalah sikap masyarakat yang masih tidak dapat menerima ledakan inovasi menyebabkan perkembangannya terbatas.

Beliau memberi contoh sikap masyarakat yang tidak berminal untuk menggunakan produk inovasi tempatan menjadi salah satu punca langkah kerajaan untuk memperkenalkan dan mengkomersialkan produk berkenaan masih berada pada tahap yang rendah.

"Kita mesti percaya teknologi inovasi tempatan dan perlu sanggup berbelanja untuk mendapat-

kan teknologi ini dan saya harap rakyat Malaysia menggunakan inovasi ini dalam kehidupan.

"Kementerian ini juga berperanan membiayai sebarang bentuk penyelidikan contohnya dalam pembinaan rumah. Sekiranya ada pihak yang sanggup membuat penyelidikan tentang mana-mana produk inovasi, kita akan biayai. Kementerian bukan sahaja berperanan mencadangkan kepada kerajaan sebaliknya menyokong produk penyelidikan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Program Inovasi anjuran syarikat bidang tenaga diperbaharui, Gading Kencana Sdn. Bhd. (Gading Kencana), di Kompleks Solar Hijau Ayer Keroh di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Urusan Gading Kencana, Datuk Gunter Tobeng.

Abu Bakar berkata, masyarakat perlu berani berbelanja untuk teknologi baharu tempatan bagi memastikan pelan kerajaan mengkomersialkan 360 produk menjelang 2020 dapat dicapai.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 12 OKTOBER 2016 (RABU)

Gading Kencana sasar tempoh tiga tahun untuk disenarai

MELAKA 11 Okt. - Syarikat bertaraf global dalam bidang tenaga diperbaharui, Gading Kencana Sdn. Bhd. menyasarkan perolehan sebanyak RM300 juta untuk dijadikan tawaran awam permulaan (IPO) penyenaraian syarikat itu di pasaran Bursa Malaysia dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Pengarah Urusannya, Datuk Gunter Tobeng berkata, pihaknya meletak sasaran perolehan sebanyak lebih RM100 juta pada tahun akan datang dan RM200 juta lagi perolehan dalam tempoh dua tahun apabila syarikat itu menerima lesen penjanaan tenaga solar berskala besar yang mampu menghasilkan sejumlah 40 megawatt (mW) pada tahun hadapan.

"Syarikat ini terlibat dalam industri padat modal (capital intensive) dan untuk itu kita tiada pilihan lain dan perlu tersenarai dalam tempoh tiga tahun akan datang. Ketika ini kita sedang memohon lesen penjanaan skala besar ladang solar 40mW dan dijangka akan kita terima Januari depan.

"Untuk itu Gading Kencana perlu membuat persiapan untuk tersenarai. Tahun ini kita mendapat perolehan sebanyak RM40 juta dan tahun hadapan kita menjangkakan perolehan sebanyak RM100 juta dan sekiranya ladang solar berskala besar itu menampakkan hasil,



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH bersama Gunter Tobeng (kanan) bersalaman dengan kakitangan Gading Kencana Ayer Keroh, semalam. - UTUSAN/ MOHD AZIM ABD RAHMAN

kita mampu memperoleh sebanyak RM1 bilion untuk tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Beliau ditemui selepas Program Inovasi anjuran Gading Kencana yang dihadiri Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah di Kompleks Hijau Solar Bandar Hijau Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh di sini hari ini.

Gading Kencana memiliki ladang solar panel seluas tujuh hektar di Bandar

Hijau Hang Tuah Jaya yang mula beroperasi sejak Disember 2014 dan berupaya menjana tenaga solar sebanyak 11.5 juta kilowatt (kW) setahun dengan kapasiti pengeluaran lapan mW dalam satu-satu masa.

Menurut Gunter, tenaga yang dikumpul menerusi ladang panel solar milik mereka yang mempunyai 29,092 keping panel itu akan disalurkan kepada grid kebangsaan dengan bayaran diperoleh sebanyak 80 sen untuk setiap satu kW.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 12 OKTOBER 2016 (RABU)



MTDC To Disburse RM45 Million Funds By Year-End

KUALA LUMPUR, Oct (Bernama) -- Khazanah Nasional Bhd's unit, **Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)** Sdn Bhd, is targeting to disburse RM45 million to technology-based companies within these last three months of 2016.

MTDC Chief Executive Officer Datuk Norhalim Yunus said the financing would be channelled via its six funds -- the Commercialisation of Research and Development Fund (CRDF), the Technology Acquisition Fund (TAF), the Business Start-up Fund (BSF), the Business Growth Fund (BGF), the Bumiputera Expansion Fund (BEF) and the Halal Technology Development Fund.

"For the first nine months of this year, we have disbursed RM102 million to 22 companies with the funds given in stages over a two-year period, based on a rolling plan," he told reporters after the MTDC Road2Funding 2016 talk series here Tuesday.

Norhalim said most of the funds will be used for the companies' expansion at home and abroad.

He said the CRDF and TAF are in the form of grants to enable companies to commercialise research and development (R&D) products by local universities and R&D institutions, as well as to acquire foreign technology.

"The rest of the funds are in the form of quasi-equity financing, whereby MTDC will own some redeemable preference shares in the companies, generally of about 30 per cent, which is redeemable whenever the said companies want to do so," said Norhalim.

Commenting on the upcoming 2017 Budget, he said MTDC was not expecting an additional allocation as the government had already provided RM900 million for the organisation under the 11th Malaysia Plan.

"We see many potential companies that can be expanded, and in order for them to compete with the world, they need innovation and technology development.

"We hope the government would continue to assist these technology-based companies, especially small and medium enterprises, to become world-class technology firms," said Norhalim.

He said MTDC itself had evolved and innovated from merely a venture capitalist to become an important financier in assisting companies that require funds to grow.

Meanwhile, the one-day MTDC Road2Funding 2016 talk is aimed at providing technopreneurs wider access to funding in order to enhance the commercialisation of indigenous technology and innovation for the mass market.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (SUNBIZ) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 12 OKTOBER 2016 (RABU)

MTDC to have **equity option** for its funds

> It will enable technology development agency to take up stakes in recipient companies

BY EE ANN NEE
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) plans to streamline all its funds by the first quarter of next year with an equity option for MTDC to take up a stake in recipient companies.

MTDC manages six funds amounting to RM1.8 billion, specifically the Commercialisation of R&D Fund (CRDF), Technology Acquisition Fund, Business Start-Up Fund, Business Growth Fund, Bumiputera Expansion Fund and Halal Development Fund.

MTDC CEO Datuk Norhalim Yunus said among the six funds, only CRDF does not have an equity option for MTDC currently.

"All our other funds are in the form of equity and promissory notes and only CRDF are in the form of grant. It is natural that we streamline all our funds to have options for us to take up an equity position, in line with all our funds. It's not something

drastic, only 12.5%," he told a press conference at the MTDC Road2Funding Central Region 2016 event here yesterday.

CRDF gives out grants of up to 70% of funding requirements. Starting this year, CRDF recipients are required to give back 12.5% of the funds they receive in kind to MTDC.

"If they get RM1 million, 12.5% or RM125,000 are given back in kind whether in the form of CSR (corporate social responsibility), products or time as a mentor to our entrepreneurs. But we plan to change this. MTDC as the fund manager wants to have the first option to convert 12.5% value of the fund into the form of equity," said Norhalim.

He said the 12.5% in the form of promissory notes allows MTDC two options, firstly if MTDC decides not to convert this into equity, recipients will need to pay the 12.5% cash to MTDC. Secondly, if the recipient company is successfully listed, MTDC can sell its shares in the open market and the money can go back to the fund.

"These are possibilities that we are evaluating to add value to the fund and to contribute to a longer lasting relationship between us and the entrepreneurs," said Norhalim.

He said the move would be good for the fund recipient companies, as having an

established corporate investor will be helpful when they want to raise funds or when dealing with overseas partners.

"We add value into the company by being their shareholder and they contribute back to the public money because they have got the funds."

Through this, MTDC expects to have closer collaboration between recipients and MTDC as well as between recipients themselves.

MTDC is a wholly owned subsidiary of Khazanah Nasional Bhd and has been the key player in commercialisation and management of government funding since the 7th Malaysia Plan.

MTDC approved RM102.35 million in funds for this year, and aims to approve another RM45 million by year-end. It has an allocation of RM900 million under the 11th Malaysian Plan until 2020.

Besides fund management, MTDC also provides an integrated support services for technopreneurs, which includes advisory services such as mentoring, soft-landing, branding, fund raising, international collaboration and networking.

MTDC's commercialisation ecosystem has provided funding and assistance to over 500 technology-based companies that are involved in a wide range of activities ranging from the agricultural sector to ICT.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B4
TARIKH: 12 OKTOBER 2016 (RABU)

MTDC agih dana RM45 juta dalam tempoh 3 bulan

Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC), anak syarikat Khazanah Nasional Bhd, menyasarkan untuk mengagihkan RM45 juta kepada syarikat berdasarkan teknologi dalam tempoh tiga bulan terakhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus, berkata pembiayaan itu akan disalurkan melalui enam dana iaitu Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF), Dana Pengambilahan Teknologi (TAF), Dana Permulaan Perniagaan (BSF), Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF), Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera (BEF) dan Dana Pembangunan Teknologi Halal.

"Bagi tempoh sembilan bulan tahun ini, kami mengagihkan RM102 juta kepada 22 syarikat dengan dana diberikan secara berperingkat dalam tempoh dua tahun, berdasarkan pelan pelaksanaan," katanya selepas siri ceramah

Road2Funding 2016 MTDC di Kuala Lumpur, semalam.

Norhalim berkata, kebanyakan dana berkenaan akan digunakan untuk pengembangan syarikat di dalam dan luar negara.

Geran komersial produk

Katanya, CRDF dan TAF dalam bentuk geran yang membolehkan syarikat mengkomersialkan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh universiti dan institusi R&D tempatan, selain mengambil alih teknologi luar.

"Dana selebihnya dalam bentuk pembiayaan *quasi-equity*, iaitu MTDC akan memiliki beberapa saham keutamaan boleh tebus dalam syarikat, secara umumnya sebanyak 30 peratus, yang boleh ditebus apabila syarikat berkenaan mahu berbuat demikian," katanya.

Mengulas mengenai Bajet 2017, Norhalim berkata MTDC tidak menjangkakan peruntukan tambahan berikutnya kerajaan menyediakan



Norhalim Yunus

RM900 juta untuk organisasi itu di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

"Kami melihat banyak syarikat yang berpotensi untuk diperluaskan, dan bagi membolehkan mereka bersaing dengan dunia, mereka memerlukan pembangunan teknologi dan inovasi."

"Kami harap kerajaan akan terus membantu syarikat berdasarkan teknologi, terutama perusahaan kecil dan sederhana, untuk menjadi syarikat teknologi bertaraf dunia," katanya.

Beliau berkata, MTDC telah berkembang dan berinovasi dari pada hanya pemodal teroka menjadi pembiayaan yang penting dalam membantu syarikat yang memerlukan dana untuk berkembang.

Sementara itu, Road2Funding 2016 MTDC selama sehari bertujuan menyediakan usahawan teknologi akses lebih luas kepada pembiayaan untuk meningkatkan pengkomersialan teknologi tempatan dan inovasi bagi pasaran besar. **BERNAMA**

Fakta nombor

RM102 JUTA

diaghikan kepada 22 syarikat dengan dana diberi secara berperingkat dalam tempoh dua tahun

RM900 JUTA

untuk organisasi di bawah Rancangan Malaysia Ke-11

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 12 OKTOBER 2016 (RABU)

Tap into the digital revolution, DiGi CEO tells SMEs

By GURMEET KAUR
and JOY LEE MAY YEN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Businesses should look into a digital strategy to stay relevant in the ongoing digital revolution in the markets, says DiGi Telecommunications Sdn Bhd chief executive officer Albern Murty.

In his keynote speech at *The Star SMEBiz Think Tank Seminar 2016* here, he noted that the digital revolution had empowered societies, catalysed economic development and levelled the playing field for established and new companies.

Thus, SMEs cannot afford to ignore the digital change taking place today.

"SMEs now have the opportunity to go way beyond their traditional business."

"If you have a team that is responsible for looking into the digital revolution of your business, and you empower them to make deci-

sions based on that, I believe that you will be able to change your business model," he said.

He added that as consumers increasingly use digital platforms to buy products and services, professional service providers would eventually have to move to such platforms to ensure that they do not miss out on potential business.

"We are seeing competition from players that were previously not there. We need to look at how we can adapt to that change," said Murty.

Secretariat for the Advancement of Malaysian Entrepreneurs CEO Neil Foo advised SMEs to make use of the various capital mechanisms to grow their businesses.

Foo moderated the "SME Financing vs Private Equity Funding" session, where panellists Ekuitis Nasional Bhd (Ekuinas) CEO Syed Yasir Arafat, Malaysia Venture Capital Management Bhd (MavCap) CEO Jamaluddin Bujang, and

AmBank Group CEO Datuk Sulaiman Mohd Tahir elaborated on the funding options that SMEs could tap into.

AmBank, which provides a wide range of lending facilities, is looking at start-up financing as it sees opportunities in this SME space with the maturing economy.

"We are working on the parameters, and hopefully, you'll hear something about this in the next few months."

"One of the other challenges of a start-up is that it has not been tried or tested."

"But if they have a good story to tell in terms of growing the business, there is a role banks can play," Sulaiman said.

On MavCap, Jamaluddin said the venture capital fund takes up equity stakes in investee companies, which are usually technology start-ups.

Ekuinas, a private equity firm, invests in established firms with high-growth potential.



The time is now: Murty encouraging businesses to develop a digital strategy to stay relevant.

Prepare for high tides, S'gor folk told

Those in coastal areas advised to seek temporary shelter at evacuation centres

By FIRDAUS FADZIL, CLARISSA CHUNG,
JOASH EE DE SILVA and ALLISON LAI
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Selangor residents have been warned of high tides this Sunday but higher tides may hit next month.

National Space Agency (Angkasa) research officer Mohd Redzuan Tahar said the high tides were expected to occur on Oct 17 due to the perigee, when the moon is closest to the Earth.

But the distance between the moon and the Earth would be even closer on Nov 14, he noted.

"This means we can expect much higher tides that day," he said, adding that it would be the closest the moon to the Earth this year.

However, Mohd Redzuan said the distance between the moon and the Earth would not be the only factor causing much higher tides.

"It also depends on other factors such as strong monsoon wind speed," he added.

He was commenting on reports that the high-tide phenomenon, which comes with big waves and strong winds, is expected to hit the west coast of the peninsula from Oct 17 to 20.

Selangor Environment Committee chairman Elizabeth Wong said RM4.3mil was released by the state last month to repair damaged barriers and to fortify bunds in the low-lying areas.

"We can't say there will be floods as it depends on a number of factors.

"But if there is heavy rain, then the high-



Taking no chances: Workers installing a special adhesive on a gas pipe to prevent gas leakage as a step to face the expected high-tide phenomenon in Klang. — Bernama

tide occurrence will be compounded," she said.

Meanwhile, residents in the 17 coastal areas in Selangor have been advised to seek temporary shelter earlier at evacuation centres.

Selangor Disaster Management Committee

secretary Kol Ahmad Afandi Mohamad said high tides were expected at 6am on Oct 16 and residents should not wait to evacuate.

He said that a total of 414 evacuation centres across the five coastal districts in the state – Klang, Sabak Bernam, Kuala Selangor, Kuala Langat and Sepang – would

be opened from 2pm on Oct 15.

"We are prepared," Kol Ahmad Afandi said.

Areas that are expected to be affected in Klang include Sungai Serdang, Bandar Klang, Taman Melawis, Kampung Tok Muda, Pandamaran, Taman Selat Damai, Kampung Sungai Pinang, Kampung Sungai Lima and Pulau Ketam.

In Sabak Bernam, it's Kampung Sungai Air Tawar and Sungai Tengar while in Kuala Selangor, Pasir Penambang, Bagan Pasir and Pantai Remis.

Pesisir Pantai Bagan Lalang in Sepang and Pantai Kelanang and Pesisir Tanjung Sepat in Kuala Langat may be affected too.

Kol Ahmad Afandi noted that the broken sea bunds in Kampung Tok Muda in Kapar last month that had been repaired were strengthened with an additional 350m stretch of sand bags.

"The additional sandbags were placed to prevent flood waters from seeping into the power station nearby," he said.

He urged residents to stay calm and be cautious at all times, and co-operate with rescuers.

Selangor Fire and Rescue Department assistant director (operations) Mohd Sani Haru said all 32 fire stations throughout the state would be on standby.

He also called on residents to keep themselves updated on the latest developments by verifying with the relevant authorities instead of believing in information spread on social media.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (UTILITI) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 12 OKTOBER 2016 (RABU)

Reaktor TRIGA Puspati (RTP)

→ Satu-satunya reaktor penyelidikan nuklear di Malaysia, mula beroperasi di Agenzi Nuklear Malaysia pada 1982. TRIGA bermaksud Training, Research, Isotope production dan General Atomic.

[FOTO HIASAN]



Teknologi nuklear yang digunakan di negara luar.

Nuklear jimat kos, mesra alam: Pakar

Malaysia perlu 10 tahun sedia kepakaran tenaga mahir

Oleh Luqman Arif
Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

P enjanaan tenaga elektrik menggunakan nuklear berupaya menjimatkan kos bahan api hingga 55 peratus, selain menangani pencemaran udara disebabkan pembebasan karbon dioksida.

Pakar Kejuruteraan Nuklear, Ujian Tanpa Musnah dan Kakisan, Dr Khaidzir Hamzah, berkata pertimbangan untuk menggunakan nuklear bukan bermaksud penjanaan tenaga elektrik menerusi kaedah konvensional akan dihentikan se-penuhnya.

Bercakap ketika dihubungi BH semalam, beliau berkata, ia dilaksanakan bagi menampung peningkatan mendadak terhadap permintaan tenaga elektrik, selain usaha untuk beralih ke arah penggunaan sumber yang lebih mesra alam.

“Malaysia perlu sekurang-kurangnya 10 tahun dari sekarang untuk menyediakan kepakaran, sumber manusia mencukupi dalam pengurusan reaktor nuklear. Bagaimanapun, masyarakat mempunyai tanggapan negatif terhadap nuklear, risau tahap keselamatannya dan bahan buangan yang dihasilkan,” katanya.

Kelman, Menteri di Jabatan Per-

dana Menteri, Datuk Nancy Shukri, dilaporkan berkata laporan terakhir Kajian Semula Infrastruktur Nuklear Bersepadu yang dikendalikan pakar antarabangsa dan diterajui Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) masih dalam penelitian.

Sumber lestari

Ia merangkumi 19 isu seperti aspek keselamatan, rangka perundangan, pembentukan, perlindungan radiasi, pembangunan sumber manusia, penjagaan alam sekitar, perancangan kecemasan, pengurusan bahan buangan radioaktif dan kemudahan sokongan.

Khaidzir berkata, hasil ledakan teknologi, penggunaan reaktor nuklear generasi keempat yang ketika ini masih dalam fasa penghasilan adalah lebih terjamin kerana di lengkapil pelbagai ciri keselamatan.

“Nuklear boleh menjana tenaga elektrik antara 60 hingga 100 tahun. Justeru ia diperakui sumber yang lestari dan tidak menyebabkan pencemaran udara kerana tiada pembakaran.

“Penggunaan nuklear kini berubah dan lebih selamat kerana kecanggihan teknologi menawarkan Reaktor Modulat Kecil (SMR) yang berupaya menjana 200 MegaWatt (MW), iaitu tenaga mencukupi untuk negeri bersaiz Melaka dan Johor,” katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Zainuddin Abd Manan, pula mengurangkan pengurangan kos tenaga elektrik jika reaktor nuklear dibangunkan dalam skala besar.

Kesan skala ekonomi itu, katanya, berupaya menguntungkan rakyat dan kerajaan, selain mewujudkan alam sekitar yang lebih sihat.



Nuklear boleh menjana tenaga elektrik antara 60 hingga 100 tahun. Justeru ia diperakui sumber yang lestari dan tidak menyebabkan pencemaran udara kerana tiada pembakaran”

Dr Khaidzir Hamzah,
Pakar Kejuruteraan Nuklear, Ujian Tanpa Musnah dan Kakisan

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 12 OKTOBER 2016 (RABU)

Bajet 2017 dibentang Perdana Menteri 21 Oktober

Perlu tumpu aspek inovatif ekonomi

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA

mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 OKT.

BAJET 2017 yang bakal dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 Oktober ini perlu memberikan fokus ke arah memperkuuhkan kelangsungan ekonomi negara dengan penerapan mestilah kepada aspek inovatif ekonomi.

Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, tanpa hala tuju jelas dalam aspek inovatif ekonomi, Malaysia berdepan risiko ditinggalkan Indonesia dan Vietnam selepas turut ‘dikalahkan’ Korea Selatan walaupun suatu ketika mendahului.

‘Bajet’ 2017 ini mesti menjaga kebijakan rakyat, maknanya kena menjaga kesejahteraan rakyat (tetapi) dalam perspektif yang betul ialah perlu membina kekuatan ekonomi negara kerana jika dilihat kepada cabaran semasa ekonomi kita tidak mampu bertahan lama.

“Sebab itulah saya tegaskan bahawa kita perlukan transformasi selain penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam ekonomi supaya Malaysia kekal bersaing,” katanya kepada pemerita selepas merasmikan Dialog Polisi Ahli Parlimen dan Pakar

MENJELANG **BAJET** 2017

Asia Mengenai Penuaan di sini hari ini.

Ahli Parlimen Tambun yang juga Pengurus Forum Ahli Parlimen Negara Asia Mengenai Populasi dan Pembangunan (AFPPD) itu menambah, Korea Selatan berjaya membangunkan ekonomi negaranya dalam tempoh 13 tahun selepas memberi tumpuan khusus kepada inovatif dan transformasi.

Menurut beliau, pencapaian tersebut harus dijadikan contoh kerajaan dalam mencorakkan ekonomi negara, kerana dalam tempoh 1960 hingga 1980, Korea Selatan dari segi per kapita dan modal insan jauh terkebelakang tetapi mulai 1993, negara berkenaan mengatasi Malaysia.

“Mereka (Korea Selatan) membangunkan modal insan melalui inovatif ekonomi, mereka mengatasi kita kerana inovatif ekonomi melahirkan modal insan yang kreatif dan sekarang kita dapat lihat bagaimana Korea Selatan menguasai pelbagai sektor di dunia,” katanya.



Bajet 2017 ini mesti menjaga kebijakan rakyat, maknanya kena menjaga kesejahteraan rakyat (tetapi) dalam perspektif yang betul ialah perlu membina kekuatan ekonomi negara kerana jika dilihat kepada cabaran semasa ekonomi kita tidak mampu bertahan lama.”

AHMAD HUSNI HANADZLAH
Bekas Menteri Kewangan II

Dalam perkembangan berasirangan, Ahmad Husni berkata, beliau akan menjadikan pentas Dewan Rakyat untuk bercakap mengenai isu politik tanah air kerana berpendapat, Parlimen adalah platform terbaik untuk menyuarakan pandangannya sejak wakil rakyat.

Katanya, beliau memilih untuk mengelak mengulas mengenai persoalan politik sejak melepaskan jawatan dalam Kabinet kerana tidak mahu pihak tertentu salah faham sekaligus mencetuskan polemik yang tidak menguntungkan.